




# KERATAN AKHBAR



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA, BLOK C, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA  
NO. 20 JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN, PRESINT 3, 62100 PUTRAJAYA

AKHBAR	SUBJEK	TARIKH
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN <input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA <input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO <input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES <input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> KAHWIN & CERAI <input type="checkbox"/> TUNTUTAN <input type="checkbox"/> AKIDAH <input type="checkbox"/> JENAYAH SYARIAH <input checked="" type="checkbox"/> PELBAGAI	15/09/2023
CATATAN		



USTAZ Yussaine (dua dari kanan) tiba di pekarangan Mahkamah Rendah Syariah Perlis bersama penyokongnya.

## Tak mengaku hina kuasa raja, badan agama Islam

**Kangar:** Yang Dipertua Pas Kangar, Ustaz Yussaine Yahya mengaku tidak bersalah di Mahkamah Rendah Syariah Perlis, di sini, semalam, atas tuduhan menghina kuasa raja perintah dan badan agama Islam negeri menerusi perngajuran ceramah agama tanpa tauliah pada 30 Mac lalu.

Tertuduh hanya mengangguk faham dan membuat pengakuan tidak ber salah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mahkamah Syariah, Mohamad Zaidi Abdullah.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh yang juga Mudir sebuah maahad tafsir al-Quran di Kangar didakwa menganjurkan ce-

ramah agama dengan menjemput pendakwah bebas, Mohamad Wadi Anuar Ayub melalui program 'Solat Terawih dan Sembang Santa' tanpa tauliah daripada Jabatan Mufti Negeri Perlis berdasarkan Seksyen 118 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006.

Selain itu juga perbuatan dilakukan turut bertentangan dengan Titah Kenyataan Rasmi Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail mengenai Pematuham. Terhadap Dasar dan Peraturan Berkaitan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis.

Tertu-

duh didapati melakukan perbuatan berkenaan antara jam 8.30 malam hingga 10.30 malam di Maahad Tahfiz al-Quran Al Imam An Nawawi (Matin) di Kampung Abi Padang Machang, Jalan Abi Batas Paip, Kangar pada 30 Mac lalu.

Berikut itu tertuduh didapati melakukan kesalahan mengikut Seksyen 38 Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991 kerana menghina kuasa Raja Pemerintah dan Badan Agama Islam yang lain.

Pendakwaan dilaksanakan oleh Ketua Pendakwa Syarie, Siti Fatimah Ahmad

Maulana manakala tertuduh diwakili peguam, Siti Hajar Ahmad dan Nur Iman Nor Azmi.

Siti Fatimah dalam pendakwaannya memohon mahkamah supaya memberi jaminan sebanyak RM2,500 dengan dua penjamin termasuk seorang penjawat awam.

Namun permohonan itu dibantah oleh pasukan peguam tertuduh yang menganggap ia tidak relevan. Pasukan peguam turut memohon agar jaminan tertuduh dapat dikurangkan.

Mahkamah kemudian membenarkan permohonan pasukan peguam tertuduh untuk tertuduh dijamin sebanyak RM2,000 dengan dua orang pen-

jamin.

Tertuduh kemudian membayar jaminan yang ditetapkan mahkamah. Mahkamah menetapkan 18 Januari tahun hadapan untuk perbicaraan semula kes.

Terdahulu, lebih 50 penyokong Ustaz Yussaine berkumpul di pekarangan mahkamah syariah itu sejak jam 8 pagi bagi menunjukkan sokongan dan solidariti kepada Ustaz Yussaine sebelum prosiding mahkamah bermula sejam selepas itu.

Suasana bagaimanapun terkawal dengan kehadiran anggota polis dari Ibu Pejabat Polis Kontinen Perlis dan Ibu Pejabat Polis Daerah Kangar.

Lebih 50 penyokong Ustaz Yussaine berkumpul di pekarangan mahkamah